

Suami isteri tuai hasil

Serdang: Pengorbanan berulang menghadiri kuliah selepas tamat waktu bekerja selama empat tahun, nyata berbaloi buat sepasang suami isteri apabila akhirnya berjaya menggenggam ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-38 di sini, semalam.

Bagi Amirah Adnan, 30, dan suaminya Muklis Ahmad, 29, yang bergelar graduan Sarjana Muda Perakuan detik itu tambah bermakna apabila Amirah kini sedang mangandung lima bulan, anak mereka yang pertama.

Menurut Amirah, tiada apa-

yang dapat menggambarkan perasaan mereka saat itu selepas berdepan pelbagai cabaran sepanjang pengajian empat tahun itu.

"Niat untuk sambung belajar memang sudah lama, tetapi saya terpaksa bagi lajuan kepada adik-adik di bawah timba ilmu dulu berikutan keluarga kami tidak berkemampuan.

"Selepas mendapat pekerjaan di syarikat swasta, saya teruskan hasrat menyambung pengajian di sini di mana setiap hari selepas tamat bekerja saya bergegas ke

UPM dari 6.30 petang hingga 9.30 malam," katanya.



AMIRAH dan suaminya, Muklis meraikan kegembiraan mereka.